




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
PENGARUH DAN
TAASUB PENYEMARAK
KESESATAN



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"PENGARUH DAN TAASUB PENYEMARAK KESESATAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِيٌّ وَمَنْ يُضِلِّ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٧٨﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.	5
Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "PENGARUH DAN TAASUB" PENYEMARAK KESESATAN."	6



Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا ...

7

"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan (Islam) sebagai agama kalian, dan Aku telah cukupkan nikmat Aku kepada kalian, dan Aku reda Islam itu menjadi agama kalian."

8

"Pengaruh" adalah kuasa yang lahir daripada seseorang terhadap seseorang tertentu kerana sebab-sebab tertentu. Pengaruh boleh lahir dengan sebab kesan baik atau kesan buruk sesuatu yang difahami, diyakini, dan diamalkan oleh mempengaruhi (orang yang mempengaruhi atau influencer). Maka lahirlah suatu keadaan yang disebut sebagai "terpengaruh" kepada sesuatu, sama ada terpengaruh kepada sesuatu yang benar atau yang salah. Baik dalam perkara dunia atau perkara agama.

9

"Taasub" atau fanatik pula diertikan sebagai kuat pegangan atau keyakinan yang keterlaluan terhadap sesuatu atau seseorang. Taasub adalah budaya buruk dan negatif dalam masyarakat Islam sejak dulu lagi. Taasub juga boleh dikaitkan dengan sikap yang keterlaluan dan melampau dalam sesuatu pegangan atau pendirian dan biasanya dikaitkan dengan agama.

10



Sikap fanatik ini dilarang oleh Allah SWT menerusi surah al-Maidah ayat 77:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٧٧﴾

11

"Katakanlah: Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul."

12

Sikap melampau juga bertentangan dengan sifat adil dan sederhana sebagaimana dituntut oleh Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ...

13

"Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat pilihan lagi adil agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu."

14



"Ajaran sesat" adalah satu istilah yang mengundang banyak takrifan dan definisi. Menurut Kamus Dewan, ajaran ditakrifkan sebagai segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan mazhab. Sesat pula ditakrifkan sebagai tidak mengikuti jalan yang betul, tersalah (tersilap) jalan, terkeliru dalam perbuatan, kepercayaan dan lain-lain serta menyimpang daripada jalan yang benar. Maka boleh dikatakan ajaran sesat adalah suatu ilmu yang diajar dan disebarikan secara rahsia mahupun secara meluas kepada orang lain yang didapati menyimpang daripada kebenaran yang asal.

15

Ajaran sesat telah ditakrifkan oleh Bahagian Akidah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah.

16

Mutakhir ini, fakta menunjukkan bahawa sikap mudah terpengaruh dengan sesuatu dan sikap taasub telah menjadi masalah yang bukan sahaja membawa kepada perpecahan ummah, bahkan telah membawa kepada budaya saling menyesatkan sesama Islam dan kuatnya suatu ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam tetapi bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Fakta menunjukkan kepada kita bahawa taasub kepada kumpulan-kumpulan tertentu telah menjadikan umat Islam hari ini terus berbalah. Taasub kepada watak dan tokoh ilmuan tertentu juga membutakan hati sebahagian umat Islam antara kebenaran yang palsu untuk kepentingan dunia seseorang atau kumpulan, berbanding suatu yang hak dan kebenaran serta ruang untuk berbeza pandangan.

17



<p>Mencari pengaruh untuk kepentingan diri, mudah terpengaruh kepada sesuatu tanpa ilmu dan sikap taasub amat berbahaya kepada umat Islam. Sikap buruk ini tidak boleh dibiarkan berlaku sama sekali kerana ia boleh menghentikan prinsip-prinsip anjuran agama dalam menuntut ilmu sebagai penyuluh kepada kebenaran, menggagalkan pelaksanaan agama secara menyeluruh (kulli), mematikan sikap berlapang dada dan bersatu dalam kepelbagaian pandangan dan perbezaan, menyemarak sikap sentiasa berprasangka baik, menghakis sifat berlemah lembut dalam mengajak kepada Islam, tidak menjaga hak saudara se-Islam dan tidak menghormati keputusan pemerintah dalam urusan mengenai agama Islam.</p>	18
<p>Pempengaruh biasanya adalah individu yang akan memanfaatkan mereka yang terpengaruh, ditambah dengan ketaasuban, mereka yang terpengaruh dan taasub akan menjadi agen-agen yang mengembangkan pengaruhnya, akan menjadi pihak yang memberi tekanan, persepsi dan provokasi kepada pihak berautoriti. Pempengaruh akhirnya mendapat kedudukan dan tempat untuk kehidupan dunia dengan kepatuhan membuta tuli pengikut.</p>	19
<p>Akibatnya, selain perbalahan antara sesama umat Islam yang tidak kunjung padam, rekod Jabatan Agama Islam Selangor mencatatkan banyak kes-kes melibatkan ajaran sesat kerana diterima oleh segelintir masyarakat. Sebahagiannya melibatkan dakwaan individu tertentu yang tidak masuk akal sama sekali dan bercanggah dengan prinsip asas ketuhanan (Ilahiah), prinsip-prinsip kenabian (Nubuwwah) dan perkara-perkara Sam'iyat.</p>	20



Segelintir umat Islam yang tidak mempunyai tasawwur Islam yang benar serta gambaran Islam secara menyuruh, mudah terpengaruh dengan keterampilan dan kata-kata, mentaati guru tertentu secara melampaui batas, mencari jalan pintas mengerjakan agama dan mengikut telunjuk nafsu dan syaitan adalah antara punca utama umat Islam terjebak perbalahan dan terjebak dengan kesesatan dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Umat Islam hendaklah menjauhkan diri daripada terjebak dari terpengaruh dengan sebarang perkara mengenai agama yang meragukan atau oleh mana-mana individu yang cuba menanam sifat taasub kepada dirinya atau orang lain. Jika ini berterusan ia akan memberi kesan besar kepada agama Islam itu sendiri, umat Islam dan masyarakat seluruhnya.

21

Untuk mengelakkan perkara ini terus menular, umat Islam hendaklah:

Pertama: Sentiasa memantapkan ilmu agama dalam diri dengan menimba ilmu daripada guru yang berpandukan al-Quran dan Hadis serta menghuraikannya mengikut pandangan ulama muktabar. Hadirlah ke masjid dan surau untuk belajar dari guru-guru agama yang diberi tauliah oleh Majlis Agama Islam Selangor.

22

Kedua: Ibu bapa hendaklah memberi kefahaman akidah, syariat dan menunjukkan akhlak yang terpuji kepada ahli keluarga masing-masing. Hanya tarbiah dan didikan agama yang akan dapat membina benteng yang menghalang seseorang itu terpengaruh dengan mudah dan sifat taasub melampau seterusnya melakukan perkara kesesatan.

23

Firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا...

24



<p><i>"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka."</i></p>	25
<p>Ketiga: Masyarakat hendaklah mendapatkan penjelasan dan pandangan apa-apa jua perkara yang tidak jelas mengenai agama Islam kepada pihak berkuasa agama untuk kepastian dan kefahaman benar.</p>	26
<p>Keempat: Masyarakat juga hendaklah melaporkan aktiviti agama yang dibuat secara sembunyi dan kecil-kecilan di premis selain masjid dan surau kepada pihak berkuasa agama untuk siasatan kerana agama Islam itu sifatnya terbuka kepada semua orang.</p>	27
<p>Hadis daripada Abu Said al-Khudri Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ</p>	28
<p><i>"Sesiapa antara kamu melihat sesuatu kejahatan, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan lisannya, dan sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan hatinya yang demikian itu (mengingkarkan dengan hati) adalah selemah-lemah iman."</i></p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	29



Ibn Rajab menyebut: "Hadis di atas menunjukkan kewajiban mengingkari kemungkaran sesuai dengan kemampuan. Peningkaran terhadap kemungkaran hukumnya wajib, kerana orang yang hatinya tidak mengingkari kemungkaran, menunjukkan iman telah hilang dari hatinya".

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan prinsip-prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Binalah benteng diri dengan kefahaman agama untuk mengelak terpengaruh dan taasub dengan sesuatu yang salah dan bukan daripada ajaran Islam sebenar.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa peka dengan persekitarannya dan merujuk kepada pihak berkuasa agama jika terdapat dakwaan atau kumpulan yang mirip kepada Islam dan meragukan.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾



"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik."

(ali-Imran : 110).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	4
<p>Untuk itu, para jemaah dinasihatkan supaya mengamalkan kawalan sendiri, menjaga kebersihan diri dan sekitar. Jagalah penjarakan dan memakai pelitup muka untuk mengelak penularan. Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang secara dekat terutama sekali jika mempunyai apa-apa gejala yang boleh dikaitkan dengan Covid-19.</p>	5
<p>Patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi elakkan penularan wabak agar kita terus dapat beramal ibadah dan melaksanakan aktiviti pengimarah di masjid dan surau dan dapat bersama-sama beramal di bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi seperti biasa.</p>	6



7	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
8	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
9	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
10	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
11	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
12	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
13	اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
14	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



<p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.</p>	15
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi.</p>	16
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.</p>	17
<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.